

**Parlimen: Kebanyakan Sekolah Kembali Guna Bahasa Melayu Untuk Sains Dan Matematik
Bernama
23 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Kebanyakan sekolah rendah dan menengah kembali menggunakan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik, kata Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkashi.

Beliau berkata hanya lima peratus daripada 7,495 jumlah bilik darjah sekolah rendah dan kurang sembilan peratus daripada 21,092 sekolah menengah yang masih menggunakan Bahasa Inggeris bagi Sains dan Matematik.

"Meskipun ada pihak yang mempersoalkan tempoh yang begitu panjang terhadap pendekatan 'soft landing' melalui dasar Memartabat Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), hakikatnya kebanyakan sekolah telah pun kembali menggunakan Bahasa Melayu.

"Sebelum melaksanakan sepenuhnya dalam Bahasa Melayu bagi kedua-dua mata pelajaran itu, kita gunakan pendekatan 'soft landing' di mana tempoh bagi sekolah rendah sehingga 2016 manakala sekolah menengah sehingga 2021," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini, pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu) mengenai pihak yang masih ingin mengekalkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Menjawab soalan Datin Linda Tsen Thau Lin (BN-Batu Sapi) berhubung keputusan kerajaan mengenai penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains, beliau berkata guru-guru sekolah rendah atau menengah boleh mengajar kedua-dua mata pelajaran itu sama ada dalam Bahasa Melayu atau Inggeris atau dwi bahasa.

"Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik boleh diajar dalam bahasa Melayu sepenuhnya atau Bahasa Inggeris sepenuhnya atau dwi bahasa di semua sekolah rendah dan menengah kecuali Tahun Satu sehingga kohort terakhir.

"Namun ia bergantung kepada kesesuaian murid-murid di sekolah itu sendiri dari segi penguasaan bahasa mereka tetapi kementerian tetap memutuskan secara muktamad untuk kekal dengan pemansuhan PPSMI dan tidak bercadang untuk melaksanakannya semula seperti yang dituntut beberapa pihak sebelum ini," katanya.

Mengenai Surat Pekeliling baru berhubung pemansuhan PPSMI dan kertas soalan yang hanya akan diberikan dalam bahasa Melayu, Mohd Puad berkata Pekeliling baru bertarikh 4 Nov 2011 telah dikeluarkan.

"Dengan itu surat Pekeliling lama secara sendirinya terbatal dan di dalam surat pekeliling baru termaktub dengan jelas bahawa soalan peperiksaan mestilah dibuat dalam dwi bahasa," katanya bagi menjawab soalan Che Uda Che Nik (PAS-Sik).

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629208>